

Headline	Jaga kesihatan semasa wukuf		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	06 Sep 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	279,000
Page No	14	Readership	837,000
Language	Malay	ArticleSize	158 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,695
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,085



## Jaga kesihatan semasa wukuf

MAKKAH - Semua 22,320 jemaah haji Malaysia dinasihatkan agar menjaga kesihatan diri semasa melakukan wukuf di Arafah, mabit di Muzdalifah, Mina dan melontar Jamrat yang bermula pada Ahad ini.

Pengerusi Lembaga Tabung Haji (TH), Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim berkata, ini kerana kebiasaannya pada masa melakukan kemuncak haji selama enam hari itu, banyak kes direkodkan melibatkan masalah kesihatan dan kematian.

"Saya nasihatkan jangan terlalu mendera diri (untuk melakukan ibadat) kerana pada masa wukuf nanti, dilaporkan cuaca begitu panas dan suhu dijangka mencecah sehingga 50 darjah Celcius.

"Kepada jemaah haji, saya nasihatkan juga makan ubat dan minum air yang banyak semasa di sana. Lazimnya ada jemaah yang terlupa untuk makan ubat dan ini yang menyebabkan timbul masalah kesihatan nanti," katanya kepada pemberita selepas bertemu jemaah haji negara di Hotel Rehab Al Janadriyah di sini, semalam.

Selain bertemu jemaah, Abdul Azeez turut bertemu balu jemaah yang meninggal dunia di Madinah dan Makkah, baru-baru ini.

Turut hadir, Ketua Rombongan Haji, Datuk Syed Saleh Syed Abdul Rahman dan isteri Abdul Azeez, Datin Seri Khadijah Mohd Noor.

Abdul Azeez berkata, keadaan cuaca yang panas itu boleh menyebabkan berlakunya strok haba, justeru beliau mahu jemaah haji ikut segala arahan dan garis panduan yang ditetapkan.

"Doktor perubatan dan semua petugas yang lain kini sudah bersiap sedia untuk bertugas menjaga keperluan jemaah haji dan saya harap jemaah menjaga kebersihan diri di khemah-khemah nanti," katanya.

Beliau turut mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Arab Saudi yang begitu menitikberatkan soal keselamatan jemaah haji bagi mengelak berlakunya insiden tidak diingini.

"Saya juga ucapkan terima kasih kepada pihak muassasah dengan kerjasama diberikan dan semoga hubungan antara Malaysia dan Arab Saudi terus terjalin erat," katanya.

Pada majlis itu turut diadakan tahlil ringkas jemaah haji yang meninggal dunia dan Abdul Azeez menasihatkan balu terbabit agar tabah meneruskan ibadat haji. - Bernama

